

HSSE

BULETIN

ISU 19



Impak COVID-19 Terhadap Masyarakat Global



KESIHATAN PEKERJAAN
MS | 2
COVID-19



PENGURUSAN KESIHATAN & KESELAMATAN
MS | 6
GEJALA BULI DI TEMPAT KERJA



ALAM SEKITAR
MS | 7
PROSES PENUAIAN AIR HUJAN
(RAINWATER HARVESTING)

COVID-19?

Covid-19 (Penyakit Coronavirus 2019) adalah strain baru coronavirus yang sebelum ini tidak pernah dikenalpasti. Berdasarkan maklumat terkini SARS-CoV-2, Covid-19 berjangkit dari individu ke individu melalui cecair daripada sistem pernafasan mahupun sentuhan.

Impak Covid-19 Terhadap Masyarakat Global

Ekonomi

Pandemik Covid-19 bukan sahaja memberi impak kepada kesihatan seseorang individu bahkan turut mempengaruhi secara langsung terhadap aktiviti ekonomi dalam aspek permintaan, pengeluaran, pelaburan dan pendapatan. Krisis wabak Covid-19 ini telah menjejaskan “kesihatan” ekonomi seluruh dunia termasuk Malaysia. Secara umumnya terdapat lima kesan rantaian ekonomi yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19.



Sektor Perkilangan

- Penutupan operasi
- Pemberhentian pekerja
- Penawaran barangan yang terhad di pasaran



Kewangan dan Mata wang

- Perubahan mata wang yang tidak menentu



Pekerjaan dan Pengguna

- Sekatan pergerakan menyumbang kepada kelemahan permintaan dan perbelanjaan



Sektor Komoditi

- Kejatuhan harga
- Kejatuhan permintaan di peringkat dunia, khususnya minyak mentah, sawit dan getah




Pelancongan dan Pengangkutan

- Pembatalan tempahan

TAHUKAH ANDA?


Di sebalik kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan ini, terdapat sektor tertentu yang mendapat kesan **'positif'**, antaranya:

- Portal pembelian online contohnya: LAZADA, Shopee
- Penghantaran makanan contohnya: foodpanda, GrabFood



Sektor - sektor ini menunjukkan potensi yang amat besar terhadap masa depan ekonomi digital (gig - economy) di negara kita Malaysia.

Lima (5) industri utama yang terjejas akibat pandemik Covid-19 dari perspektif “Probability of Default (PD)” sehingga 31 Mac 2020



Kesihatan Mental

Sesetengah individu mengalami gangguan kesihatan mental akibat tekanan daripada covid-19. Setiap orang memberi reaksi atau tindak balas yang berbeza. Cara seseorang mengurus tekanan dipengaruhi oleh latar belakang dan komuniti mereka.

MENGAPA WUJUD KEBIMBANGAN?



Bimbang ahli keluarga dijangkiti

Takut jatuh sakit dan mati disebabkan wabak

Tekanan kerana berpisah dengan orang tersayang semasa kuarantin

Takut tidak dapat bekerja semasa pengasingan, diberhentikan kerja dan masalah kewangan

Tidak berdaya, bosan, sunyi dan murung kerana keseorangan

Kekurangan maklumat dan fakta

Khabar angin dan berita palsu

Pengaruh media sosial

Tanda Kesihatan Mental Terganggu

- Perubahan drastik dalam pola tidur
- Perubahan selera makan
- Sukar menumpukan perhatian
- Rasa sedih dan kecewa
- Keletihan
- Hilang minat terhadap perkara yang digemari
- Suka bersendirian dan mengasingkan diri
- Perubahan sikap yang drastik - mudah marah, gelisah dan tersinggung
- Cenderung menghisap rokok dan mengambil alkohol



Langkah-langkah Mengurus Kesihatan Mental

- Bergaul dengan orang lain
- Berkongsi masalah dengan orang yang dipercayai
- Amalkan diet yang seimbang dan senaman
- Tidur yang cukup
- Lakukan teknik relaksasi untuk bertenang
- Kembali ke rutin biasa
- Merapatkan kembali hubungan antara ahli keluarga dan rakan
- Beri masa dan peluang kepada diri sendiri untuk pulih

Amalkan Norma Baharu (New Normal)

- Kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer)
- Pakai penutup mulut dan hidung (mask) sekiranya bergejala
- Amalkan penjarakkan sosial sekurang-kurangnya satu meter
- Tutup mulut dan hidung apabila batuk dan bersin
- Elakkan bersalaman atau bersentuhan
- Elakkan berada di tempat sesak atau berkumpul beramai-ramai
- Jaga kebersihan diri sepanjang masa
- Dapatkan saringan kesihatan jika perlu

Perlaksanaan Sistem Pengurusan ISO 45001:2018 UMW 2020



Tarikh Audit ISO 45001:2018 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd

Syarikat	Tarikh
UMW Pennzoil Distributors & Lubetech, Shah Alam	27-28 Julai 2020
UMW Advantech, Shah Alam	4-5 Ogos 2020
UMW Corporation S/B	6-7 Ogos 2020
UMW Bukit Minyak	10-12 Ogos 2020
UMW Johor Baharu	12-14 Ogos 2020
UMW Kuantan	17-18 Ogos 2020
UMW Industrial Power Services, Shah Alam	17-18 Ogos 2020
UMW Aerospace, Serendah	17-18 Ogos 2020
UMW Industries (1985), Shah Alam	24-25 Ogos 2020
UMW Equipment, Shah Alam	27-28 Ogos 2020

Kenali ISO 45001:2018 Leader Anda

- | | |
|---|---|
| 
UMW Corporation S/B
Abdul Aziz Mohamed Edar | 
UMW Aerospace, Serendah
Mohd Azinuddin Ismail |
| 
UMW Industries (1985) HQ (Shah Alam)
Mohd Izhar Mohd Yusuff @ Mohd Jusoh | 
UMW Equipment, Johor Bahru
Andrew Woo |
| 
UMW Industrial Power Services HQ (Shah Alam)
Kesava Rao Jaganatham | 
UMW Industries (1985), Johor Bahru
Afif Ekram Isa @ Darami |
| 
UMW Equipment HQ (Shah Alam)
Lee Toh Tong | 
UMW Industrial Power Services, Johor Bahru
Lee Kok Jan |
| 
UMW Pennzoil Distributors & Lubetech, Shah Alam
Iskandar Mohamed Salleh | 
UMW Equipment, Bukit Minyak
Helmi Pahmy Yusop |
| 
UMW Advantech, Shah Alam
Lokhman Adnan | 
MW Industries (1985), Bukit Minyak
Abdul Halim Othman |
| 
UMW Industrial Power Services, Bukit Minyak
Tan Kean Beng | 
UMW Equipment, Kuantan
Timothy Wee San Taw |
| 
UMW Industries (1985), Kuantan
Low Chiow Ang | 
UMW Equipment, Ipoh
Heung Kian Seong |
| 
UMW Industries (1985), Ipoh
Kenny Lee Kok Yow | |

JOM SERTAI KUIZ ISO 45001 : 2018

Imbas Sekarang!

JAWAP DAN MENANG!

Sila baca arahan di bawah

- Hadiah menarik menanti pemenang bagi kuiz ISO 45001 : 2018
- Imbas kod QR di sebelah untuk menjawab kuiz sebelum 15 September 2020
- Pemenang akan diumumkan dalam keluaran Buletin HSSE yang akan datang



PENGAJARAN DARIPADA KEJADIAN KEMALANGAN

KES 1

Tarikh : 23 Februari 2020
Bilangan hilang hari bekerja : 7 hari

Butiran ringkas kemalangan

Mangsa sedang menjalankan proses meleraikan sistem penyerap hentakan untuk tujuan pelupusan menggunakan *jig* manual yang tidak berdaftar. Semasa mangsa sedang memampatkan bahagian *spring* pada unit tersebut, ibu jari tangan kiri mangsa telah tersepit di antara cap RCU dan *jig* bahagian atas ketika mangsa melepaskan tekanan hidraulik. Kemalangan ini telah menyebabkan separuh daripada kuku ibu jari tangan kiri mangsa tercabut.

Langkah pembaikan

1. Memberi taklimat keselamatan kepada semua pekerja dan berkongsi maklumat tentang kemalangan dan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil.
2. Menghapuskan *jig* manual yang tidak berdaftar.
3. Memastikan penggunaan mesin yang telah didaftarkan (sekiranya perlu) dan disahkan selamat.



Ibu jari tangan kiri tersepit



Manual jig yang tidak didaftarkan



Manual jig yang telah dilarikan untuk dihapuskan

KES 2

Tarikh : 28 Februari 2020
Bilangan hilang hari bekerja : 7 hari

Butiran ringkas kemalangan

Kemalangan berlaku lebih kurang jam 10 pagi di bilik mesyuarat. Semasa mangsa dan rakan sekerja cuba untuk mengubah kedudukan meja dalam bilik tersebut, tiba-tiba kaki meja tersebut terjatuh dan terkena jari kaki kiri mangsa. Jari kaki kirinya retak dan mangsa dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Langkah pembaikan

1. Memeriksa struktur meja terlebih dahulu sebelum mengubah kedudukannya serta mendapatkan bantuan anggota penyelenggara.
2. Memastikan kerja-kerja mengangkat barang berat dilakukan secara 'buddy system' atau berkumpulan.



HSSE Portal Online: Proses Maklumbalas Di Dalam Sistem

HSSE telah memperkenalkan HSSE online portal pada Oktober 2019. Salah satu menu di dalam portal tersebut adalah 'Feedback / Reporting' yang memberi kemudahan kepada kakitangan UMW untuk menghantar maklumbalas dan laporan berkenaan isu kesihatan, keselamatan dan alam sekitar di tempat kerja. Sila hantarkan maklumbalas kepada kami melalui aplikasi telefon bimbit anda! Ikuti 3 langkah mudah ini.



GEJALA BULI DI TEMPAT KERJA

Buli adalah satu gejala tidak sihat yang dilakukan oleh individu kepada individu lain di tempat kerja sama ada secara fizikal ataupun lisan sehingga menyebabkan emosi seseorang terganggu semasa berada di tempat kerja. Dalam aspek keselamatan dan kesihatan, gejala buli merupakan salah satu hazard psikologikal.

Tanda – Tanda Dibuli Di Tempat Kerja

Kebiasaanya gejala buli boleh dilihat apabila terdapat perubahan dari segi sikap dan prestasi kerja seseorang;



Kesan



Langkah Pencegahan





BAGAIMANA PROSES PENUAIAN AIR HUJAN (RAINWATER HARVESTING) DILAKUKAN?


Perubahan cuaca dan iklim dunia yang tidak menentu menuntut pelbagai usaha dan alternatif bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air bersih. Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan atau juga dikenali sebagai Sistem Penuaian Air Hujan (SPA) adalah salah satu cara pengurusan air yang berkesan.


Penuaian air hujan telah digunapakai oleh kebanyakan negara untuk mengurangkan kesan banjir akibat perubahan iklim. Secara umumnya, air hujan boleh digunakan untuk aktiviti luar sahaja dan tidak sesuai untuk dijadikan sebagai air minuman. Air hujan yang terkumpul boleh digunakan untuk tujuan pembersihan, penyiraman, tandas dan sebagainya. SPA ini boleh dilaksanakan di tempat kerja mahupun di rumah.


Kebaikan Sistem Penuaian Air Hujan (SPA)

- 

Mengurangkan input tenaga untuk merawat dan mengepam air ke kawasan lain
- 

Mengurangkan pengeluaran karbon
- 

Menjimatkan penggunaan air terawat dan mengurangkan kos bayaran bil air bulanan
- 

Dapat menampung masalah kekurangan bekalan air di kawasan bandar
- 

Mengurangkan penebangan hutan untuk pembinaan empangan

Bagaimana?

SPA yang digunakan pada bangunan biasanya terdiri daripada empat elemen utama iaitu kawasan tadahan, sistem saliran, tangki simpanan dan sistem pengagihan air hujan.


Langkah 1

Air hujan dikumpulkan daripada bumbung bangunan atau bangunan yang digunakan sebagai laluan air hujan



Langkah 2

Sistem saliran akan mengalirkan air hujan dari kawasan tadahan ke tangki SPAH.




Langkah 3

Tangki simpanan disediakan bagi tujuan mengumpul dan menyimpan air hujan yang biasanya diletakkan di ruang atas bangunan, atas atau bawah tanah, atau secara berasingan dengan bangunan



Langkah 4

Sistem agihan air hujan terdiri daripada rangkaian paip bagi mengagihkan air dari tangki ke tempat untuk kegunaan yang bersesuaian seperti mencurah tandas (flush), menyiram tanaman, mencuci bangunan dan sebagainya





TAKLIMAT "GREEN CARD"
KEPADA KONTRAKTOR
UMW SHAH ALAM
30 JANUARI 2020



PEMERIKSAAN SUHU BADAN
KUMPULAN UMW
FEB - SEKARANG



TAKLIMAT KESELAMATAN JALAN RAYA
OLEH MAJLIS KESELAMATAN
JALAN RAYA
UMW SHAH ALAM
10 FEBRUARI 2020



OPERASI PENYAHKUMAN
MENARA UMW & UMW SHAH ALAM
15 FEBRUARI - 4 MEI 2020



LATIHAN ASAS RAWATAN KECEMASAN
UMW SHAH ALAM
24-25 FEBRUARI 2020



TAKLIMAT COVID-19
UMW JOHOR BAHRU, BUKIT MINYAK,
IPOH DAN KUANTAN
27 FEBRUARI - 12 MAC 2020



LAWATAN ISO 45001
UMW JOHOR BAHRU, BUKIT MINYAK,
IPOH DAN KUANTAN
27-28 FEBRUARI 2020 &
11-13 MAC 2020



MESYUARAT PELAN TINDAKAN
COVID-19
KUMPULAN UMW
5 MAC 2020



LATIHAN PORTAL ONLINE HSSE
KEPADA PENYELARAS PORTAL
UMW SHAH ALAM
11 MAC 2020



PENGEDARAN PENUTUP MULUT
DAN HIDUNG KEPADA HKL,
RELA, PDRM, MINDEF
MENARA UMW
6 APRIL 2020



OPERASI PENYAHKUMAN
UMW SABAH & SARAWAK
30 APRIL 2020



PERSEDIAAN SYARIKAT UNTUK
KEMBALI BEROPERASI
SELURUH KUMPULAN UMW
MEI 2020